

# Imam Ahmad bin Hanbal Tetap Teguh Pendiriannya, Walau Diseksa Dan Dipenjarakan

**I**mam Hanbali atau nama penuhnya Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal merupakan imam yang terakhir daripada rangkaian fuqaha pengasas empat mazhab yang mashhur. Beliau dilahirkan di Kota Baghdad pada tahun 164 H. Rabiulawal kira-kira 14 tahun selepas Imam Syafie dilahirkan. Kedua-dua orang tuanya berasal dari Iran, kemudian berpindah dan menetap di Kota Baghdad yang pada ketika itu merupakan pusat pemerintahan dan perkembangan ilmu pengetahuan Islam yang terkenal.

Sepertimana Imam Syafie, Imam Ahmad berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan dan ayahnya wafat ketika dia masih kecil lagi. Walaupun dalam keadaan kepayahan,

namun ibunya berusaha memberinya pendidikan yang sebaik-baiknya.

Untuk menampung kewangan keluarganya, Imam Ahmad telah melakukan pelbagai jenis pekerjaan. Di antara pekerjaan yang pernah dilakukan oleh Imam Ahmad adalah seperti tukang jahit, mengambil upah menulis, menenun kain serta membawa barang-barang. Beliau amat mementingkan usaha sendiri serta rezeki yang halal.

## Ketekunan Imam Ahmad Bin Hanbal Dalam Mencari Ilmu

Sejak kecil lagi, Imam Ahmad bin Hanbal sangat tekun untuk mencari ilmu. Beliau telah menghafal al-Quran secara sempurna ketika umurnya 10 tahun. Setelah itu beliau gigih dalam

mempelajari ilmu-ilmu bahasa Arab dan ilmu hadis.

Guru pertama yang mengajarkan ilmu pada beliau adalah anak murid Imam Abu Hanifah (Imam Hanafi), Abu Yusuf al-Qadhi ketika beliau berusia 16 tahun pada tahun 179 H. Bersama gurunya Abu Yusuf, Imam Ahmad telah belajar dasar-dasar ilmu fiqh, kaedah-kaedah ijthihad, dan metodologi kias. Setelah memahami prinsip-prinsip Mazhab Hanafi, Imam Ahmad mempelajari ilmu hadis dari seorang ahli hadis Baghdad, Haitsam bin Bisr.

Tidak cukup menimba ilmu daripada ulama-ulama Baghdad, Imam Ahmad juga sanggup menempuh perjalanan yang jauh dalam mempelajari ilmu. Beliau telah pergi mengunjungi kota-kota ilmu yang lain seperti Mekah, Madinah, Syria, dan Yaman.

Dalam perjalanan tersebut dia bertemu dengan Imam Syafie di Mekah lalu dia memanfaatkan kesempatan berharganya tersebut untuk menimba ilmu daripada beliau selama empat tahun. Imam Syafie mengajarkan pemuda Baghdad ini tidak hanya sekadar menghafal hadis dan ilmu fiqh, akan tetapi memahami hal-hal yang lebih mendalam daripada hadis dan fiqh tersebut.

Walaupun sangat menghormati dan menuntut ilmu kepada ulama-ulama Mazhab Hanafi dan Imam Syafie, namun Imam Ahmad memiliki arah pemikiran fiqh tersendiri. Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tidak fanatik dan membangga diri.

## Daripada Seorang Murid Menjadi Seorang Imam

Daripada seorang murid, beliau telah menjadi seorang imam setelah mempelajari pelbagai ilmu daripada

ramai ulama-ulama yang terkemuka. Imam Ahmad bin Hanbal mula menyampaikan ilmu pada umur 40 tahun. Beliau mula mengajar di Masjid Jami' yang terletak di Kota Baghdad. Taka berduyun-duyun orang ramai datang ke majlis ilmu beliau untuk mempelajari ilmu hadis dan fekah mengikut mazhab Hanbali.

Pengajian beliau dibahagikan kepada tiga; umum dan khusus. Kebanyakan murid-muridnya yang datang kepada beliau bukan sahaja bertujuan menuntut ilmu, malah ada yang meminta nasihat dan bimbingan. Beliau amat berkecenderungan, ada juga yang hendak mempelajari adab dan akhlak beliau, dan ada juga yang hadir untuk mengambil berkat sahaja.

Imam Ahmad bin Hanbal merupakan seorang yang tegas. Beliau tidak pernah mengurau senda kerana beliau kurang mahu akan perkara itu. Orang ramai mendengar syarahannya dengan keadaan sangat sunyi kerana mereka takut hendak bercakap atau melakukan sesuatu yang tidak sopan ketika Hadis disampaikan.

Dolongan miskin diutamakan daripada golongan kaya dalam majlis ilmu. Al-zahabi meriwayatkan daripada Marwazi yang sezaman dengan Imam Ibn Hanbal sebagai berkata: *"Saya tidak pernah melihat golongan miskin dan rendah dimulikan seperti dalam majlis syarahan Imam Ahmad bin Hanbal. Beliau amat melayani orang miskin dan tidak menghiraukan yang kaya. Beliau seorang yang sangat dikagumi serta memiliki gaya yang sederhana, namun beliau tidak pernah marah. Beliau menyampaikan syarahannya selepas sembahyang Asar, tapi tidak berkata sesuatu sebelum diminta berucap".*

Oleh sebab ketokohan dan keilmuan yang ada pada Imam Ahmad maka ramai para pencinta ilmu datang dan menuntut ilmu daripadanya. Ada di antara murid-murid Imam Ahmad yang terakhir menjadi tokoh-tokoh Islam yang terkenal juga. Di antara murid-murid Imam Ahmad bin Hanbal ialah, Yahya bin Adam, Abdul Rahman bin Abdul, Yazid bin Harun, Ali bin Al-Madini, Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Da'ud, Abu Zar'ah, Ar-Razi, Ibrahim Al-Harbi, Abu Bakar Ahmad bin Hani, Al-Atram, Muhammad bin Ishaq, Sa'ghani, Abu Yatim Al-Razi, Ahmad bin Al-Huwari, Musa bin Harun, Hanbal bin Ishaq, Usman bin Said, Al-Darami, Ubay bin Al-Syair, Abdul Malik bin Abdul



Hamid Al-Maimuni, Bakly bin Makhliid Al-Andulisi, Ya'kub bin Syaibah dan ramai lagi.

Anaknya, Salih dan Abdullah juga menurut jejak langkah ayahnya dalam menguasai bidang hadis. Ramai murid-muridnya yang menuntut ilmu fiqh daripadanya membantu mengembang dan menyebarkan mazhab Hanbali ke seluruh pelosok dunia. Jasa-jasa mereka cukup besar di dalam membantu mazhab Imam Ahmad bin Hanbal berdiri sebaris dengan mazhab-mazhab yang terdahulu.

## Persengketaan Mengenai Sifat Al-Quran

Semasa pemerintahan tiga khalifah Abbasiyah, Al-Makmun, Al-Mu'tasim, dan Wathia, ia merupakan zaman yang penuh dengan cabaran dan dugaan bagi Imam Ahmad bin Hanbal, kerana setiap khalifah tersebut inginkan bencana menimpanya. Mengapa? Kerana ketika pemerintahan mereka, fahaman Mu'tazilah yang bercanggah dengan Islam telah berkembang.

Khalifah al-Ma'mun ibn Harun ar-Rashid antara khalifah yang sangat dipengaruhi oleh fahaman Mu'tazilah yang banyak terpesong daripada fahaman tradisional Islam. Ketika itu, Khalifah dipengaruhi oleh kumpulan Mu'tazilah yang mempersoalkan asal usul tauhid dan berpegang kepada fahaman bahawa al-Quran merupakan ciptaan manusia dan tidak kekal abadi.

Kumpulan Mu'tazilah ini mendapat sokongan dan naungan Khalifah al-Ma'mun. Pihak Mutazilah telah melancarkan Mihna (satu badan penyeksaan) untuk menyingkir ulama yang enggan berpegang kepada fahaman yang dibawa oleh Mu'tazilah. Semasa Mihna, ulama Islam diuji untuk menentukan pegangan mereka mengenai tafsiran dalam perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam.

Ramai ulama yang telah bertukar pendirian apabila disuruh oleh Khalifah al-Ma'mun dan memberikan persetujuan kepada pentafsiran Islam supaya bersesuaian dengan fahaman Mu'tazilah. Pendirian Imam Ahmad bin Hanbal juga

***"Saya tidak pernah melihat golongan miskin dan rendah dimulikan seperti dalam majlis syarahan Imam Ahmad bin Hanbal. Beliau amat melayani orang miskin dan tidak menghiraukan yang kaya. Beliau seorang yang sangat dikagumi serta memiliki gaya yang sederhana, namun beliau tidak pernah gopoh."***



diuji semasa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun dan Khalifah al-Mu'tasim. Tetapi Imam Ahmad bin Hanbal berkeras enggan memberikan persetujuan kepada fahaman yang dibawa oleh Mutazalis.

Disebabkan itu, Khalifah al-Ma'mun menghukum sebatan ke atas Imam Ahmad. Dia telah dipenjarakan selama 30 bulan dan telah dipukul teruk. Beberapa hari setelah Khalifah al-Ma'mun memerintahkan Imam Ahmad bin Hanbal dipenjarakan, beliau telah meninggal dunia. Kemudian dia digantikan dengan khalifah Al-Mu'tasim yang juga berpegang kepada fahaman Mutazilah. Khalifah Al-Mu'tasim bertanya kembali sama ada Imam Ahmad bin Hanbal sudah bertukar pendirian dan menyokong fahaman Mutazilah.

Namun Imam Ahmad bin Hanbal masih enggan mengikut fahaman tersebut dan akhirnya dia diberikan balasan hukuman sebat dan dipenjarakan. Imam Ahmad bin Hanbal hanya dilepaskan setelah dua tahun selepas itu. Tetapi beliau ditegah mengajar dan menyebarkan ilmu Allah.

Tegahan ini kekal sehingga pemerintahan Khalifah al-Wathiq. Tetapi Imam Ahmad bin Hanbal tetap dengan pegangannya.

Setelah al-Wathiq wafat, al-Mutawakkil naik menggantikannya. Selama dua tahun pemerintahannya, ujian tentang kemakhlukkan al-Quran masih dijalankan. Beberapa tahun kemudian, khalifah al-Mutawakkil menghentikan ujian tersebut. Dia mengumumkan ke seluruh wilayah kerajaannya larangan atas pendapat tentang kemakhlukkan al-Quran dan ancaman hukuman mati bagi melibatkan diri dalam hal itu. Dia juga memerintahkan kepada para ahli hadis untuk menyampaikan hadis-hadis tentang sifat-sifat Allah.

Mendengarkan pengumuman tersebut, penduduk sekeliling bergembira dengan. Mereka memuji-muji khalifah atas keputusannya itu dan melupakan keburukannya. Di mana-mana terdengar doa untuknya dan namanya disebut-sebut bersama nama Abu Bakar, Umar al-Khattab dan Umar bin Abd Aziz.

## Hilangnya sebutir bintang

Imam Ahmad bin Hanbal telah meninggal dunia di Baghdad pada 13 Rabiulawal 241H bersamaan 31 Julai, 855M. Mengikut *Tarjamatul Imam*, lebih 860,000 orang menziarahi semasa pengebumiannya. Ini menunjukkan bahawa begitu ramai yang hadir demi menunjukkan penghormatan dan kecintaan mereka kepadanya.

Peninggalan Imam Ahmad tidak hanya terbatas kepada permasalahan fiqh yang telah dihasilkannya atau sejumlah hadis yang telah disusunnya, namun beliau juga memiliki peranan penting dalam melestarikan kesucian keyakinan Islam dalam menghadapi penganiayaan politik yang sangat teruk. Inilah yang membezakan Imam Ahmad dari ketiga-tiga imam yang lain.

Selain itu, walaupun dari sudut sejarahnya, Mazhab Hanbali merupakan mazhab yang paling muda dalam empat mazhab yang ada, tetapi ramai ulama besar sepanjang sejarah Islam, sangat terpengaruh oleh Imam Ahmad dan pemikirannya. Antaranya Ibnu Taimiyah, Ibnu al-Qayyim, Ibnu Katsir, dan Muhammad bin Abd al-Wahhab. **I**

**Imam Ahmad bin Hanbal telah meninggal dunia di Baghdad pada 13 Rabiulawal 241H bersamaan 31 Julai, 855M. Mengikut *Tarjamatul Imam*, lebih 860,000 orang menziarahi semasa pengebumiannya.**

